

## KONSEPTUALISASI MARTABAT KEYAKINAN DALAM AL-QURAN DAN PEMBENTUKAN KONSEP EPISTEMOLOGIKO-AKSIOLOGIKAL DALAM PENYELIDIKAN ISLAM<sup>(\*)</sup>

*(Conceptualising Degrees of Certainty in the Quran and Developing an Epistemologico-Axiological Concept in Islamic Research)*

Mohd Syahmir Alias<sup>1</sup>

### ABSTRACT

As an ultimate source of knowledge in Islam, the Quran mentions some forms of human certainty in remarking truth. Therefore, this paper intends to identify the forms of certainties included in the Quran in order to conceptualise them by degrees. Then, an analysis of this degree of certainties is done within the scope of the Islamic research. Owing to the fact that research according to Islamic worldview aimed at attaining truth with a degree of substantial certainty. In this paper, data collection is done through document analysis and it is analysed by content analysis. Consequently, this paper finds that, philosophically, certainty in research relates to the scope of the theory of knowledge or epistemology which directly proportional to certain values which is the main theme discussed through the theory of value or axiology. Thus, this paper proposes an epistemologico-axiological oriented research concept to be applied in research, particularly in research related to Islam and Muslims by a Muslim researcher.

**Keywords:** *Quran, Certainty, Islamic Research, Epistemology, Axiology*

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 22/01/2019 and accepted for publication on: 12/04/2019.

<sup>1</sup> Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, , email: syahmir@usm.my

## ABSTRAK

Sebagai sumber ilmu tertinggi dalam Islam, al-Quran menyebutkan beberapa bentuk keyakinan manusia dalam mempersiapkan kebenaran. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk keyakinan yang terdapat dalam al-Quran agar dapat dikonseptualisasikan secara bermartabat. Kemudian, analisis martabat-martabat keyakinan ini dilakukan dalam ruang lingkup penyelidikan Islam. Hal ini kerana, penyelidikan dalam pandangan alam Islam bertujuan mencapai kebenaran dengan darjah keyakinan yang meyakinkan. Dalam makalah ini, pengumpulan data dilakukan melalui kajian dokumen dan data dianalisis secara analisis kandungan. Hasilnya, makalah ini mendapati, keyakinan dalam penyelidikan yang secara falsafahnya berkait dengan ruang lingkup perbahasan teori ilmu atau epistemologi mempunyai kaitan langsung dengan nilai-nilai yang merupakan tema utama dibahaskan melalui teori nilai atau aksiologi dalam falsafah. Maka, makalah ini mencadangkan suatu konsep penyelidikan berorientasikan epistemologiko-aksiologikal untuk diterapkan dalam penyelidikan khususnya penyelidikan berkaitan Islam dan Muslim oleh seseorang penyelidik Muslim.

**Kata kunci:** *Al-Quran, Keyakinan, Penyelidikan Islam, Epistemologi, Aksiologi.*

## 1. PEN PENDAHULUAN

Terdapat sejumlah 87 kata terbitan bagi perkataan ilmu (*ilm*) dalam al-Quran (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, 1364H:469-480). Daripada kata-kata terbitan tersebut, al-Quran secara khusus mengandungi sekitar 800 ayat yang berkait dengan ilmu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2015:287). Hal ini menjadikan ayat-ayat berkenaan ilmu merupakan ayat ketiga terbanyak diulang dalam al-Quran selepas ayat-ayat berkenaan tauhid (Suhaila Abdullah et al., 2015:1). Dari satu sudut, perkara ini mempermerk bahawa al-Quran memberi penekanan khusus kepada pemerolehan ilmu pengetahuan, di samping pada sudut yang lain, ia menunjukkan bahawa al-Quran itu sendiri sebagai sumber ilmu yang mustahak dalam Islam (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999:9).

Antara perkara mendasar berkenaan ilmu yang dijelaskan dalam al-Quran adalah dalam ayat yang bermaksud: "... dan (ingatlah), Allah mengetahui (*hakikatnya yang sebenarnya*) sedang kamu tidak mengetahuinya" (al-Baqarah, 2:216; Ali 'Imran, 3:66). Berdasarkan tafsiran Ibn Kathir (2000:270), pengetahuan Allah SWT meliputi semua

perkara yang wujud sejak dari permulaan sehingga pengakhirannya serta merangkumi setiap perkara yang memberi manfaat atau memudaratkan semua ciptaan-Nya sama ada di dunia maupun di akhirat. Secara dasarnya, al-Quran memaklumkan manusia bahawa Allah SWT sahaja Pemilik Ilmu yang mutlak melalui ayat yang bermaksud: “... *Dia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata dan Dia lah yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya*” (al-An‘am, 6:73).

Tujuan pencarian ilmu dari perspektif Islam adalah untuk mencapai kebenaran yang membawa kepada keyakinan yang sebenar-benarnya (Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo & Salmah Jan Noor Muhammad, 2013:14). Salah satu cara dalam pencarian ilmu adalah melalui penyelidikan. Selaras dengan takrifan istilah penyelidikan iaitu kegiatan yang mengembangkan pengetahuan manusia, maka secara hakikinya, penyelidikan bertujuan mencari kebenaran (Afifuddin & Beni Ahmad Saebani, 2009:33; Ross, 1974:4). Persoalannya, bagaimanakah mencapai penyelidikan yang meyakinkan? Bagi menjawab persoalan ini, makalah menetapkan asasnya berdasarkan dua premis berikut. Pertama, al-Quran sebagai ilmu yang berpunca daripada Allah SWT sudah pastinya memberikan pemahaman atas berkenaan keyakinan ilmu. Kedua, pemahaman berkaitan keyakinan ilmu dalam al-Quran dapat memberi implikasi dalam pencarian ilmu khasnya melalui penyelidikan.

Oleh itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk keyakinan ilmu yang terdapat dalam al-Quran untuk dikonseptualisasikan. Seterusnya, konseptualisasi tersebut digunakan untuk menganalisis keyakinan dalam ruang lingkup penyelidikan yang menjadikannya sebagai suatu aspek dalam penyelidikan Islam. Makalah ini dibangunkan dengan mengumpulkan data melalui kajian dokumen dan menganalisis data tersebut secara analisis kandungan. Bagi objektif pertama, perkara ini dibincangkan dalam bahagian konseptualisasi bentuk-bentuk keyakinan ilmu dalam al-Quran, manakala objektif kedua makalah dicapai dalam bahagian analisis konsep keyakinan ilmu berdasarkan al-Quran dalam konteks penyelidikan.

## 2. KONSEPTUALISASI BENTUK-BENTUK KEYAKINAN ILMU DALAM AL-QURAN

Terdapat kira-kira lima istilah al-Quran yang bersabit dengan martabat keyakinan iaitu pertama, yakin (*yaqin*); kedua, persangkaan (*zann*); ketiga, keraguan pada dua pertentangan (*shakk*); keempat, kesamaran (*syubbih*); dan kelima, keraguan pada perkara ghaib (*rayb*) (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999:82). Sungguhpun begitu, *yaqin* pula dapat dipecahkan kepada tiga jenis iaitu pertama, keyakinan berdasarkan pengetahuan (*ilm al-yaqin*); kedua, keyakinan berdasarkan penglihatan (*ayn al-yaqin*); dan ketiga, keyakinan yang sebenar-benarnya (*haqq al-yaqin*) (Osman Yahya, 1991). Secara

umumnya, dapat dibahagikan martabat keyakinan ilmu kepada dua kategori iaitu martabat bersifat positif dan martabat bersifat kenegatifan.

Dalam martabat keyakinan ilmu yang positif, darjah yang tertinggi ialah keyakinan yang hakiki (*haqq al-yaqin*). Hal ini bersabit dengan dua kali pengulangan istilah *haqq al-yaqin* dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya al-Quran itu adalah kebenaran yang diyakini (haqq al-yaqin). Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar.”* (al-Haqqah, 69:51-52)

*“Sesungguhnya (segala yang disebutkan) itu adalah kebenaran yang diyakini (haqq al-yaqin). Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar.”* (al-Waqi‘ah, 56:95-96)

Menurut Hamka (1988:7619), *haqq al-yaqin* dalam ayat al-Haqqah (69:51) memberi konotasi bahawa al-Quran itu sendiri adalah suatu kebenaran yang diyakini. Hal ini memberi dua implikasi: pertama, al-Quran tidak dapat diragui oleh sesiapapun; dan kedua, tidak ada hujah yang dapat menyanggah kebenarannya. Ibn Kathir (2000:1916) pula menyatakan keyakinan terhadap kebenaran al-Quran memberi erti bahawa tidak ada syak dari sudut bukti empirikal dan juga bukti ghaib. Hal ini kerana, al-Quran bersumber daripada Allah SWT yang Maha Benar. Ia secara jelasnya bukan kata-kata penilik nasib (*kabīn*), penyair (*shā‘ir*) mahupun suatu pembohongan oleh Rasulullah SAW (*ba‘da l-aqawiḥ*) (al-Haqqah, 69:41-44; Sayyid Qutb, 2000f:427).

Walau bagaimanapun, penggunaan istilah *haqq al-yaqin* dalam ayat al-Waqi‘ah (56:95) pula lebih memperincikan kandungan al-Quran iaitu keyakinan terhadap perkara berkaitan hari akhirat. Perkara yang dimaksudkan ini adalah bersabit dengan keseluruhan kandungan ayat al-Waqi‘ah (56:1-96) iaitu peringatan mengenai kedatangan kemusnahan alam semesta pada hari kiamat dan balasan-balasan yang diterima oleh manusia pada hari akhirat (Hamka, 1987:7152). Justeru, Ibn Kathir (2000:1821) mentafsirkan *haqq al-yaqin* dalam ayat ini sebagai khabar yang benar yang tidak dapat diperdebatkan sama sekali, malah tidak dapat dielakkan oleh sesiapapun. Hal ini sebagaimana konotasi *al-yaqin* dalam ayat al-Hijr (15:99) yang membawa maksud kematian iaitu “kiamat kecil” bagi seorang manusia.

Perkhabaran mengenai hari kiamat termasuk dalam perkara-perkara *sam'iyyat* iaitu perkara yang tidak diragui keabsahannya (Ghazali Basri, 2012:25). Keyakinan dan keimanan terhadap wujudnya hari kiamat untuk mengadili perbuatan manusia semasa di dunia merupakan tunjang utama ajaran Islam. Malah, keyakinan ini mendatangkan ketenangan pada hati manusia yang beriman dengannya (Hamka, 1987:7152-7153). Apabila keyakinan terhadap hal-hal ini tercapai dalam hati, maka manusia diingatkan dalam kedua-dua ayat supaya memuji keagungan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000f:149 & 427). Dalam perkataan lain, *haqq al-yaqin* merupakan keyakinan yang diperakui oleh hati terhadap keseluruhan ilmu yang datang daripada al-Quran dan perkara yang akan dialami secara pasti oleh manusia.

Berikutnya, keyakinan ilmu yang berada di bawah martabat *haqq al-yaqin* ialah keyakinan berasaskan penglihatan atau *'ayn al-yaqin* (Osman Yahya, 1991). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “*Selepas itu, demi sesungguhnya! Kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (fayn al-yaqin) semasa kamu dilemparkan ke dalamnya!*” (al-Takathur, 102:7).

Persoalannya, mengapakah *'ayn al-yaqin* berada di bawah martabat *haqq al-yaqin*? Menurut Hamka (1986:230), setelah meyakini ilmu-ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW yang bersumberkan al-Quran dan hadis, maka keyakinan berikutnya adalah pada perkara yang dapat disaksikan dengan deria penglihatan manusia atau disebut *mu'ayanah*. Ilmu pada peringkat ini dialami sendiri oleh manusia melalui kegiatan tafakkur dan pemehatian (Osman Yahya, 1991). Apabila sesuatu perkara yang diketahui dapat dilihatkan dengan mata, maka ia kembali mengingatkan orang yang jalai, dan dapat menyedarkan orang yang sedang dalam kemabukan (Sayyid Qutb, 2000g:333).

Hal ini mengakibatkan keyakinan berasaskan ilmu (*ilm al-yaqin*) berada selepas martabat *'ayn al-yaqin*. Oleh sebab itu juga, ayat al-Takathur (102:7) ini datang berturutan selepas ayat yang menyebutkan tentang keyakinan berasaskan ilmu iaitu firman Allah SWT yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya! Kalauolah kamu mengetahui (apa yang kamu akan hadapi) dengan pengetahuan yang yakin (film al-yaqin) tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari akhirat*” (al-Takathur, 102:5).

Berdasarkan ayat ini, Hamka (1986:230) mentakrifkan *'ilm al-yaqin* sebagai keyakinan terhadap sesuatu perkara atau perkataan yang benar yang disampaikan dan dapat difikirkan oleh akal yang sihat. Apabila mencapai martabat *'ilm al-yaqin*, seseorang tidak akan diselewengkan dengan perkara yang jelas keburukannya seperti pengetahuan mengenai sifat tamak mengejar kekayaan dunia yang melalaikan daripada mengingati kedatangan alam akhirat (Ibn Kathir, 2000:2027). Menurut Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999:39), martabat keyakinan berasaskan ilmu merupakan hasil kesimpulan yang berimplikasi daripada pengadilan manusia.

Selain ketiga-tiga martabat keyakinan ini, dalam al-Quran juga disebut persangkaan (*zann*) sebagai martabat keyakinan yang positif. Perkara ini dapat diperhatikan melalui ayat al-Quran berikut yang bermaksud: “*Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk; (aitu) mereka yang percaya dengan yakin (yazunnun) bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya*” (al-Baqarah, 2:45-46).

Menurut al-Qurtubi (2006a:72), *zann* pada ayat ini mengikut jumhur ilmuwan tafsir bermaksud yakin. Jika diperhatikan, ayat tersebut menjelaskan terlebih dahulu mengenai tiga ciri *yazunnun* (orang yang mempunyai *zann*) terhadap hari akhirat: pertama, sentiasa memohon pertolongan Allah; kedua, bersifat sabar; dan ketiga, mengerjakan solat secara khusyuk. Secara umumnya, ciri-ciri inilah yang disebutkan sebagai bersifat tawakal kepada Allah SWT. Perkara ini dijelaskan dalam ayat al-Quran berikut yang bermaksud: “... *Dan (yang sebenarnya) sesiapa yang bertawakal kepada Allah (dengan sepenuh-penuh yakin, maka Allah akan menolongnya untuk mengalahkan musuh yang lebih besar bilangannya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana*” (al-Anfal, 8:49).

Menurut Sayyid Qutb (2000b:211-212) dan Ibn Kathir (2000:848), golongan munafik dan orang-orang yang hatinya tidak berkeyakinan itu pada awalnya ialah golongan yang cenderung kepada Islam. Namun, disebabkan oleh keimanan dan keyakinan yang belum sepenuhnya mantap untuk berperang dalam Peperangan Badar, maka mereka kembali cenderung ke arah kekufuran. Hal ini kerana, mereka hanya melihat dari sudut zahir dan kuantiti (tentera) dan tidak yakin dengan kualiti (tentera) iaitu dari sudut kekuatan rohani.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi hati mempunyai persangkaan dan bertawakal kepada Allah SWT untuk mencapai tahap keyakinan ilmu seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Baqarah (2:45-46). Dalam sebuah hadis Kudsi, Rasulullah SAW bersabda bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Aku adalah sebagaimana sangkaan (*zann*) hamba-Ku kepada-Ku. Aku bersamanya sekiranya dia berdoa kepada-Ku.” (riwayat Muslim, no. hadis: 4849). Dalam konteks pencarian ilmu, melalui tawakal iaitu salah satu caranya adalah dengan berdoa, hati pencari ilmu akan terhubung secara langsung dengan Allah SWT dan memprojeksikan sangkaan positif kepada-Nya. Justeru, bagi mencari ilmu yang diyakini, pentingnya usaha diiringi tawakal (Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:180 & 189). Hal ini dibuktikan dengan ayat al-Quran berikut yang bermaksud: “... *Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya*” (Ali ‘Imran, 3:159).

Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1994:111), mesyuarat yang disebut dalam ayat ini merangkumi proses ijihad dan ijmak ulama atau suatu himpunan para ilmuwan berautoriti untuk memutuskan sesuatu perkara. Ia merupakan cara terbaik untuk menaikkan martabat *zann* kepada keyakinan yang bersifat nisbi dan menjauahkan keraguan (*shakk*). Walau bagaimanapun, sekiranya *zann* itu tidak dipandu dengan sifat tawakal kepada Allah SWT, malah ditambah dengan pemerhatian dan pemikiran yang menyimpang daripada kebenaran yang disampaikan dalam al-Quran, maka ia akan jatuh kepada martabat ketidakkeyakinan ilmu dalam Islam (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999:33).

Selain itu, *zann* juga boleh menjadi darjah ilmu yang tidak diyakini apabila seseorang pencari ilmu tidak mahu meneliti kebenaran dengan cara yang sebenarnya. Perkara ini antaranya dijelaskan dalam kisah kepercayaan kaum Nasrani berkenaan pembunuhan Nabi ‘Isa a.s. dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: ‘Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih Isa Ibn Maryam, Rasul Allah’. Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (pada salib), tetapi disamaraskan (shubbih) bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa) dan sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham mengenai Nabi Isa sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (shakkin) tentang menentukan (pembunuhannya). Tidak ada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan (az-zann) semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin (yaqinan)”* (an-Nisa’ 4:157)

Dalam ayat an-Nisa’ (4:157) ini, dapat diperhatikan empat darjah keyakinan disebutkan secara berturutan iaitu *shubbih*, *shakk*, *zann* dan *yaqin*. Menurut Hamka (1983:31), *zann* ditakrifkan sebagai pertembungan antara dua perkara yang cenderung pada satu-satu jawapan, sama ada “ada” atau “tiada”. Dalam ayat tersebut, martabat *zann* yang dituju kepada kaum Nasrani ialah kecenderungan mereka menganggap bahawa berlakunya peristiwa pembunuhan Nabi ‘Isa a.s. Hal ini kerana mereka berpandukan keterangan penulis-penulis Injil iaitu Mark, Matthew, Luke, dan John yang mereka baca, sedangkan tidak ada seorang pun penulis-penulis Injil tersebut hadir ketika peristiwa itu berlaku dan mereka sekadar mendengar berita daripada orang lain, malah ia ditulis lama selepas kewafatan Nabi ‘Isa a.s. (Sayyid Qutb, 2000a:128).

Persangkaan sebegini begitu jauh daripada keyakinan atau turut disebut sebagai *wahm* (penganggaran). Apatah lagi sumber yang menjadi rujukan itu sendiri tidak boleh dipercayai (Hamka, 1983:32). Hal seperti ini disebut dalam ayat berikut yang bermaksud: “sedang mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya.

Mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan (*zann*) semata-mata, padahal sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran” (an-Najm, 53:28). *Zann* ini dikenali sebagai *zann* yang tidak berfaedah kepada kebenaran. Sebarang maklumat berbentuk *zann* yang disampaikan perlu diselidiki (*tabayyun*) terlebih dahulu kebenarannya (al-Hujurat, 49:6).

Berikutnya, ayat an-Nisa’ (4:157) turut menyebutkan mengenai darjah keraguan (*shakk*). *Shakk* berbeza dengan *zann* hanya kerana tidak wujud kecenderungan sama ada kepada jawapan “ada” atau “tiada”. Dalam peristilahan bahasa Arab, ia disamaartikan dengan kejihilan (Hamka, 1983:31). Definisi ini dapat dijelaskan lagi dengan ayat al-Quran berikut yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Wahai sekalian manusia! Sekiranya kamu menaruh keraguan (*shakkin*) tentang kebenaran agamaku, maka (ketahuilah) aku tidak menyembah makhluk-makhluk yang kamu sembah selain daripada Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang akan mematikan kamu (untuk menerima balasan) dan aku diperintahkan supaya menjadi dalam golongan yang beriman.’” (Yunus, 10:104)

Dalam ayat Yunus (10:104), Nabi Muhammad SAW menangkis keraguan manusia terhadap Islam dengan menyatakan keyakinannya untuk menyembah Allah SWT yang Maha Esa dan sama sekali tidak menyembah berhala-berhala ciptaan golongan manusia yang mempersekuatkan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000d:169).

Selain itu, Hamka (1983:30) dalam tafsirnya juga menjelaskan maksud kesamaran (*shubbih*) dalam ayat an-Nisa’ (4:157) sebagai penyamaran fizikal orang yang disalib dengan fizikal Nabi ‘Isa a.s. yang dianggap oleh kaum Nasrani sebagai Nabi ‘Isa a.s., sedangkan Baginda tidak ada kena mengena dengan kejadian tersebut. Perkara ini dapat difahami dengan lebih lanjut melalui persoalan-persoalan dalam ayat al-Quran berikut yang bermaksud:

“...Bertanyalah lagi: Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Atau adakah sama gelap-gelita dengan terang? Atau adakah makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah mencipta sesuatu seperti ciptaan-Nya, sehingga ciptaan-ciptaan itu menjadi kesamaran (*tashabah*) kepada mereka? Katakanlah: Allah jua yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa.” (ar-Ra’d, 13:16)

Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga persoalan yang dikemukakan oleh Allah SWT. Ketiga-tiga persoalan ini sebenarnya menyeru manusia untuk menilai perbezaan dari aspek kualiti atau sifat sesuatu perkara walaupun pada pandangan mata kasarnya mempunyai persamaan. Misalnya, orang yang buta dan orang yang celik kedua-duanya mempunyai mata, namun hanya salah seorang daripada mereka yang dapat melihat segala-galanya. Manusia yang tidak dapat menilai perbezaan inilah yang dikatakan berada dalam martabat *shubbih* (Sayyid Qutb, 2000c:41-42). Oleh yang demikian, martabat keyakinan ilmu yang negatif ini perlu dijauhkan oleh umat Islam. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “... *maka sesiapa yang menjauhkan diri daripada perkara yang samar (ash-shubuhat) bererti dia telah memelihara agamanya dan kehormatannya. Tetapi, sesiapa yang terjatuh dalam perkara yang samar, maka dia terjatuh kepada perkara haram...*” (riwayat Muslim, no. hadis: 2996).

Selain daripada tiga martabat keyakinan ilmu yang negatif berdasarkan ayat an-Nisa’ (4:157), terdapat satu lagi bentuk keraguan yang disebutkan dalam al-Quran iaitu *rayb*. *Rayb*, seperti yang dijelaskan oleh Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999:31-32), berbeza dengan *shakk* kerana secara asasnya istilah ini banyak disebut dalam al-Quran sebagai keraguan terhadap perkara-perkara ghaib seperti kedatangan hari akhirat. Antaranya ialah ayat berikut yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu (untuk tidak turut berjihad) hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat dan yang hati mereka (sangat) ragu-ragu (*rayb*). Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya.” (al-Tawbah, 9:45)


Berkenaan ayat at-Tawbah (9:45), Ibn Kathir (2000:885) menerangkan bahawa *rayb* ini adalah sejenis keraguan yang datang daripada hati golongan munafik iaitu golongan manusia yang berpura-pura beriman kepada Allah SWT tetapi hatinya menolak kebenaran Islam. Hati golongan ini sentiasa gelisah dan kosong daripada sebarang keyakinan, malah mudah mengkhianati orang lain (Sayyid Qutb, 2000b:362-363). Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menyuruh umat Islam untuk meninggalkan *rayb* kerana ia bersamaan dengan sifat dusta. Baginda bersabda yang bermaksud: “*tinggalkan yang meragukanmu (yaribuka) kepada sesuatu yang tidak meragukanmu kerana kejujuran itu ketenangan dan dusta itu keraguan*” (riwayat al-Tirmidhi, no. hadis: 2442).

Selain daripada penggunaan istilah *rayb* untuk melambangkan keraguan orang munafik, al-Quran juga menyebutkan penggunaan istilah ini dalam bentuk penafian.

Misalnya dalam ayat Yunus (10:37), Allah SWT berfirman yang bermaksud: “... *tidak ada sebarang ragu-ragu pada al-Quran itu (la rayba fih) tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam*” (Yunus, 10:37). Dalam ayat tersebut, lafaz *la rayba fih* (tidak ada keraguan padanya) digunakan bagi menunjukkan al-Quran secara epistemologinya bukanlah Kitab yang kosong daripada keyakinan. Dalam perkataan lain, al-Quran bukanlah suatu kepaluan, tetapi ia secara pasti bersumberkan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000d:122). Justeru, penafian terhadap kemustahilan martabat *rayb* pada al-Quran ini menguatkan lagi bahawa ia merupakan Kitab yang berada pada martabat *haqq al-yaqin*.

Daripada perbincangan dalam mengenai pasti bentuk-bentuk keyakinan ilmu dalam al-Quran, dapat dikonseptualisasikan bahawa keyakinan ilmu dalam al-Quran tersusun secara berhierarki. Ia bermula daripada martabat *haqq al-yaqin*, *'ayn al-yaqin*, *ilm al-yaqin*, *zann*, *shakk*, *shubbih* dan berakhir dengan martabat *rayb*. Martabat tersebut dapat dibahagikan kepada dua ekstrem iaitu martabat keyakinan positif dan martabat keyakinan negatif. *Haqq al-yaqin* berlawanan dengan *rayb* kerana ia melibatkan “yakin-tidak yakin” seseorang dengan perkara ghaib (al-Quran dan hari akhirat). *'Ayn al-yaqin* bertentangan dengan *shubbih* kerana ia melibatkan “yakin-tidak yakin” seseorang pada perkara yang dilihat atau yang ada di hadapan mata kasar. *Ilm al-yaqin* pula berlawanan dengan *shakk* kerana ia melibatkan “yakin-tidak yakin” seseorang tentang perkara yang diketahui atau “tahu-jahil”.

Di antara dua ekstrem tersebut, *zann* menjadi martabat pertengahan yang ditimbang dengan sangkaan atau penilaian baik atau buruk. Sekiranya seseorang bersangka baik, maka hasilnya ialah kebaikan kerana realitinya akan mengikut persangkaannya (berdasarkan hadis riwayat Muslim, no. hadis: 4849) dan ia dapat mencapai keyakinan, manakala jika sebaliknya berlaku, maka natijah yang diperoleh ialah keburukan dan menuju ke arah kejahilan. Secara lebih jelas, perkara ini dilakarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Konseptualisasi Martabat Keyakinan Berdasarkan al-Quran

### 3. ANALISIS MARTABAT KEYAKINAN BERDASARKAN AL-QURAN DALAM KONTEKS PENYELIDIKAN ISLAM

Berdasarkan pengalpastian mengenai bentuk-bentuk keyakinan yang ada dalam al-Quran, dapat difahami bahawa wujudnya pertentangan antara dua bentuk yang jelas seperti “*haqq al-yaqin* lawan *rayb*”, “*ayn al-yaqin* lawan *shubbih*” dan “*ilm al-yaqin* lawan *shakk*”. Begitu juga terdapat suatu bentuk keyakinan ilmu yang ambigu, yang memerlukan suatu nilai ketelitian dalam melakukan penyelidikan dan mengesahkan sesuatu teori atau dakwaan. Oleh yang demikian, makalah ini ingin mengemukakan satu nilai ketelitian dalam Islam yang penting dan juga terdapat dalam al-Quran iaitu konsep *tabayyun* (Zulkifli Muhammad al-Bakri, 2015; Mohd Shukri Hanapi, 2015:37). Gesaan melakukan *tabayyun* disebutkan pada tiga tempat dalam al-Quran. Pertama dan kedua, dalam ayat an-Nisa' (4:94), manakala kali ketiga disebut dalam ayat al-Hujurat (49:6). Ayat-ayat tersebut bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik ([*fatabayyanu*] apa juia perkara dengan sebaik-baiknya) dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah): ‘Engku bukan orang yang beriman’, (lalu kamu

membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal). (Janganlah kamu gelap mata dengan harta dunia itu) kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak. Demikianlah juga keadaan kamu dahulu (dapat diketahui oleh orang lain akan keislaman kamu dengan memberi salam atau mengucap kalimah syahadah), lalu Allah mengurniakan nikmat-Nya kepada kamu. Oleh itu, selidikilah (*[fatabayyanu]* apa-apa jua terlebih dahulu dan janganlah bertindak dengan terburu-buru). Sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan.” (an-Nisa’, 4:94)

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (*fatabayyanu*) untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa jua yang kamu telah lakukan.” (al-Hujurat, 49:6)

Hadis riwayat al-Tirmidhi (no. hadis: 2956) menjelaskan sebab penurunan (*asbabu'n-nuzul*) ayat an-Nisa’ (4:94), manakala hadis riwayat Ahmad (no. hadis: 17731) menjelaskan *asbabu'n-nuzul* ayat al-Hujurat (49:6). Secara ringkasnya, *asbabu'n-nuzul* ayat an-Nisa’ (4:94) melibatkan pertembungan antara seorang lelaki daripada Bani Sulaym dengan beberapa orang sahabat Rasulullah SAW, manakala *asbabu'n-nuzul* ayat al-Hujurat (49:6) berkait dengan empat watak penting iaitu pertama, Rasulullah SAW; kedua, al-Harith Ibn Abi Dirar al-Khuza‘i; ketiga, al-Walid Ibn ‘Uqbah; dan keempat, serombongan utusan (*al-ba’th*). Oleh sebab penghuraian sebab penurunan ayat al-Hujurat (49:4) lepas terperinci, maka makalah ini akan menyentuh secara lebih mendalam mengenai ayat tersebut.

Al-Harith berjanji untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat setempatnya setelah memeluk Islam dan memungut zakat daripada golongan yang memeluk Islam. Beliau meminta Rasulullah SAW mengirimkan utusan kelak bagi mengambil hasil zakat yang dipungutnya. Apabila tiba waktu yang ditetapkan, Rasulullah SAW mengutus al-Walid, namun beliau tidak melaksanakan arahan tersebut dan melaporkan kepada Rasulullah SAW bahawa al-Harith menghalangnya daripada mengambil zakat yang terkumpul dan mengugut untuk membunuhnya. Hal ini menyebabkan Rasulullah SAW menghantar *al-ba’th* untuk mengesahkannya dan pada masa yang sama al-Harith juga berangkat untuk berjumpa Rasulullah SAW dan mereka bertemu di luar kota Madinah.

*Al-ba'th* bertanya kebenaran dakwaan al-Walid kepada al-Harith, dan beliau menafikannya. Begitu juga, apabila selanjutnya mereka bertemu Rasulullah SAW, Baginda bertanyakan tentang kebenaran dakwaan tersebut dan al-Harith menafikan dakwaan tersebut dan menerangkan keadaan sebenar. Berdasarkan ringkasan hadis ini, inti patinya dapat dinisbahkan dalam konteks penyelidikan. Rasulullah SAW dapat dinisbahkan sebagai seorang penyelidik. Baginda menerima laporan pertama daripada seorang individu sahaja iaitu al-Walid. Namun, dakwaan ambigu yang terdapat dalam laporan tersebut mendorong Rasulullah SAW melakukan *tabayyun* bagi memastikan kebenaran dakwaan tersebut melalui *al-ba'th*. Hasilnya, Rasulullah SAW mendapat laporan berkumpulan dalam jumlah pelapor yang ramai, dan Baginda turut mendapat penjelasan secara langsung daripada sumber pertama iaitu al-Harith.

Secara umumnya, terdapat dua strategi *tabayyun* yang dapat digeneralisasikan daripada tindakan Rasulullah SAW. Pertama, mengabsahkan maklumat daripada sumber kedua yang banyak jumlahnya atau boleh diistilahkan sebagai “poli-angulasi” dengan syarat mempunyai maklumat mengenai konteks sebenar sumber pertama. Kedua, mendapatkan penjelasan kepada sumber pertama sekiranya berkemampuan. Strategi pertama membolehkan penyelidik mendapatkan sekurang-kurangnya pengetahuan bersifat *zann* yang mendekati keyakinan, manakala strategi kedua secara pastinya memberikan penyelidik pengetahuan yang yakin dan benar. Al-Buti (1996:7-8) merumuskan satu prinsip melakukan *tabayyun* bagi mengelakkan pendustaan perkhabaran atau nukilan (*naqalan*) dan pernyataan atau dakwaan (*mud'iyyan*) iaitu:

1. sekiranya perkara yang melibatkan perkhabaran, maka penyelidik perlu berusaha menentukan perhubungan atau nisbah kesahihan khabar dengan sumbernya kerana pada perhubungan itu mungkin terdapat tokok tambah yang menimbulkan keraguan; dan
2. sekiranya perkara yang melibatkan pernyataan pula, maka penyelidik perlu memfokuskan bukti-bukti yang bertepatan dengannya seperti dakwaan berdasarkan empirikal perlu dilihat kepada bukti empirikal.

Penelitian terhadap keaslian sumber perkhabaran dan ketepatan bukti merupakan proses dalam konsep *tabayyun* untuk mengesahkan darjah keyakinan bagi suatu penyelidikan Islam. Hal ini kerana, konsep *tabayyun* secara unggulnya menuntut orang Islam menjadi peneliti dan penyampai yang boleh dipercayai (Sayyid Qutb, 2000e:413). Di samping itu, para penyelidik Muslim juga perlu meletakkan sepenuh keyakinan kepada Allah SWT kerana Allah SWT Maha Mengetahui mengenai segala perkara alam ini. Hal ini bertepatan dengan ayat al-Quran yang bermaksud: “*dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada-Nyalah dikembalikan segala*

---

urusan. Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah (tawakkal) kepada-Nya dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai terhadap perkara yang kamu lakukan” (Hud, 11:123).

Di sinilah terletaknya kepentingan tawakal kepada Allah SWT dalam penyelidikan yang meyakinkan. Tawakal dapat menghindarkan para penyelidik daripada sebarang bentuk ketidakyakinan dan memperteguhkan hati kepada keyakinan (al-Kaylani, 1996:37; Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:195-196). Tawakal juga merupakan sifat yang menjadi kelaziman bagi para ilmuwan silam. Sifat ini antaranya dipamerkan melalui penulisan *basmalah* dan memohon taufik daripada-Nya pada permulaan karya, serta diakhiri dengan mendedikasikan hasil kajian kepada-Nya (Ahmad F. Yousif, 2011:105). Sebenarnya, usaha mencari keyakinan dan tawakal ini berlaku secara bersepada kerana tawakal merupakan rangkaian usaha untuk mencapai sesuatu objektif (Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:189). Justeru, dalam konteks perbincangan ini, rangkaian usaha tersebut dikaitkan dengan usaha *tabayyun* yang diiringi dengan konsep tawakal kepada Allah SWT.

Dalam konteks tradisi penyelidikan Islam, perkara ini sememangnya mempengaruhi pemikiran para ilmuwan Islam silam, khususnya berkaitan pengenalan prinsip metafizik dalam penulisan mereka (Seyyed Hossein Nasr, 1978:277-278). Hal ini contohnya dapat dilihat daripada pernyataan seorang saintis Muslim, Ibn al-Haytham (t.t.) seperti berikut: “... penyelidik yang gigih sekalipun tidaklah maksum daripada kesilapan, apatah lagi penyelidikan terhadap perkara-perkara seni, maka semakin bertambah kekeliruan, berbagai pandangan, bersimpang-siur persangkaan (az-zunun), berbeza-beza kesimpulan dan sukaranya mencapai keyakinan (al-yaqin)... Kita tidak boleh melepaskan diri daripada kelemahan yang merupakan tabiat manusia, namun kita perlu berusaha dengan kudrat yang dikurniakan dan daripada Allah kita memohon pertolongan dalam setiap pekerjaan.”

Berdasarkan pernyataan ini, seseorang penyelidik perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam menjalankan penyelidikan dan bertawakal kepada Allah SWT dengan memohon bantuan-Nya. Sifat ini juga ditunjukkan oleh sejarawan Muslim, Ibn Khaldun (2005) yang menggunakan istilah *al-tamhis* untuk penelitian secara kritis dalam pelaksanaan *tabayyun* terhadap perkhabaran atau pelaporan sejarah yang tidak lekang daripada kesalahan. Ibn Khaldun (2005:52-53) menjelaskan bahawa para penyelidik seharusnya menyedari faktor-faktor berlakunya keadaan sedemikian. Sekurang-kurangnya terdapat tujuh faktor yang dikemukakannya:

1. sifat memihak pada pendapat seseorang atau suatu kelompok yang sealiran dengan pemikirannya (*at-tasyayyu'*);


2. kebergantungan kepada khabar yang disampaikan pemberi maklumat (*al-muqtadiyah*);
3. ketidaktelitian pada tujuan sesuatu peristiwa dan penyusunan maklumat berdasarkan persangkaan dan andaian semata-mata (*adh-dhahul*);
4. berasaskan ilusi yang jauh daripada kebenaran (*wahm*);
5. dipengaruhi kekaburan (*al-talabba*) dan cerita rekaan (*al-tasanni*);
6. kecenderungan memuji dan menyanjung golongan penguasa dan orang-orang yang berkedudukan bagi kepentingan diri sendiri (*al-madah*); dan
7. kejahilan tentang tabii sesuatu peradaban (*al-jahl*).

Dengan kesedaran terhadap faktor-faktor yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (2005a) setidak-tidaknya boleh meningkatkan keyakinan terhadap pengetahuan *zann* daripada yang negatif kepada yang hampir dengan *yaqin*. Dalam tradisi Islam, taklid buta merupakan perkara yang dilarang. Menurut al-Qardawi (2011:84 & 87), taklid buta adalah antara sebab yang membawa kepada persangkaan yang buruk (*wahm*) iaitu melalui penerimaan sesuatu tanpa usul periksa dan juga kejahilan. Sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan mengakibatkan ketaasuhan atau fanatik kepada sesuatu dengan pengetahuan yang tidak benar (Abdul Rahman Abdullah, 2005:72; al-Qardawi, 2011:92). Walau bagaimanapun, menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (2006:45), penolakan sifat taklid buta melalui keraguan (*shakk*) atau skeptisme yang dikatakan dapat membawa seseorang kepada keyakinan adalah tidak tepat. *Shakk* dan *yaqin* (secara spesifiknya *'ilm al-yaqin*) merupakan dua ekstrem yang berlawanan dalam konseptualisasi martabat keyakinan berdasarkan al-Quran sebelum ini. Perkara ini turut diperjelaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:117) iaitu: "... keraguan diangkat sebagai kaedah epistemologi untuk mencapai kebenaran yang dipercayai oleh golongan rasionalisme dan sekularisme. Akan tetapi, tidak ada sebarang bukti yang membenarkannya dan ada perkara lain selain keraguan yang membolehkan seseorang mencapai kebenaran. Hakikatnya, petunjuklah yang membawa kepada kebenaran, bukan keraguan."

Perkara yang dijelaskan dalam petikan tersebut adalah sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah SWT melalui ayat al-Baqarah (2:147) yang bermaksud: "kebenaran (yang datangnya kepadamu dan disembunyikan oleh kaum Yahudi dan Nasrani) itu (wahai Muhammad) adalah datangnya daripada Tuhanmu. Oleh itu, jangan sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang yang ragu-ragu (*al-mumtarin*)". Dalam perkataan lain, kebenaran bukanlah disebabkan oleh keraguan, tetapi ia merupakan suatu petunjuk daripada Allah SWT. Sinaran petunjuk Ilahi inilah yang

sebenarnya mengukuhkan keyakinan hati seseorang penyelidik daripada sebarang keraguan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazali (1988:26): “ilmu yang meyakinkan ialah ilmu yang menyingskapkan sesuatu perkara yang diketahui, penyingskapan itu tidak memungkinkan keraguan masuk bersamanya, begitu juga dengan kesalahan dan wahm, dan hati tidak mungkin dapat menerima perkara itu.”

Walaupun al-Ghazali (1988:27-29) pernah mengalami satu situasi keraguan, namun ia hanya berlaku terhadap pengetahuan daripada tanggapan pancaindera dan akalnya. Sikap skeptik beliau tidak menolak keimanan kepada Allah SWT kerana al-Ghazali menggunakan hujah ketuhanan untuk menamatkan skeptisismenya. Selain itu, al-Ghazali juga tidak menjadikan keraguan yang dialaminya sebagai hujah bahawa keraguan ialah alat mencapai keyakinan. Oleh yang demikian, jelas bahawa konsep *tabayyun* dan *tawakal* yang berorientasikan pengesahan keyakinan sesuatu pengetahuan (termasuklah maklumat, teori atau dakwaan) dapat mengangkat pengetahuan *zann* atau *shakk* kepada *yaqin*. Apatah lagi konsep ini menggunakan model daripada sumber epistemologi yang meyakinkan iaitu al-Quran dan hadis (al-Buti, 1996:13). Secara keseluruhannya, analisis ini dapat dirumuskan dan dilakarkan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Martabat Keyakinan Ilmu dalam Konteks Penyelidikan

#### 4. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sebagaimana yang dipaparkan dalam Rajah 2, seseorang penyelidik tidak terlepas daripada dua bentuk maklumat iaitu perkhabaran dan pernyataan dan kedua-duanya berbeza martabat keyakinannya iaitu ilmu yang meyakinkan (*haqq al-yaqin*, *‘ayn al-yaqin* dan *ilm al-yaqin*), maklumat berdasarkan persangkaan (*zann*) dan maklumat yang meragukan (*shakk*). Untuk beralih daripada maklumat yang *shakk* kepada *zann* yang benar, penyelidik perlu cenderung untuk menerima atau mencari maklumat yang berasaskan bukti yang tersedia. Walau bagaimanapun, *zann* dapat ditingkatkan kepada martabat *yaqin* sekiranya *tabayyun* dilakukan yang disepadukan dengan tawakal kepada Allah SWT. Selain itu, penyelidikan Islam juga perlu dibebaskan daripada sebarang taklid dan taasub, begitu juga menjauhkan martabat ketidakyakinan yang tercela iaitu *shubbih* dan *rayb*. Oleh yang demikian, seorang penyelidik Muslim sentiasa berusaha dan mengharapkan Allah SWT memberi petunjuk ke arah hasil penyelidikan yang meyakinkan. Daripada saling kait antara perihal martabat keyakinan yang dibincangkan dalam ruang lingkup epistemologi (teori ilmu) dengan perihal penerapan nilai-nilai yang dibincangkan dalam ruang lingkup aksiologi (teori nilai), maka makalah ini mengemukakan konsep epistemologiko-aksiologikal dalam penyelidikan Islam. Konsep ini berfungsi dalam menentukan gabungan antara dua persoalan iaitu: apakah martabat atau tahap keyakinan maklumat (termasuk data, teori dan hipotesis) yang diperoleh dalam penyelidikan?; dan bagaimanakah mencapai martabat keyakinan yang terbaik dalam penyelidikan? Justeru, makalah ini mewajarkan kepentingan saling kait antara teori ilmu dengan teori nilai melalui konsep epistemologiko-aksiologikal dalam penyelidikan, khususnya dalam penyelidikan berkaitan Islam dan Muslim.

#### 5. PENGHARGAAN

Penghargaan khas ditujukan kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai pembentangan makalah ini melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia (2018-2020) [304/PHUMANITI/6315177] dalam penyelidikan yang bertajuk *Konsep Objektiviti dalam Falsafah Penyelidikan Islam: Kajian Pemikiran al-Biruni dan Sadr ad-Din Shirazi*. Makalah ini merupakan penelitian awal terhadap konsep objektiviti dalam al-Quran.

**REFERENCES:**

- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana falsafah ilmu: Analisis konsep-konsep asas dan falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian al-Qur'an* (Muhammad Noor Ibrahim, Semakan). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Afifuddin & Beni Ahmad Saebani. (2009). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Ahmad F. Yousif. (2011). *Islam and science: A southeast asian perspective* (2<sup>nd</sup> ed.). Selangor: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (1996). *Keyakinan hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan tugas makhluk di alam semesta* (Muhammad Sulaiman Yassin, Terj.). Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Ghazali. (1988). Al-munqidh min al-dalal. Dlm. Ahmad Syams al-Din (Ed.), *Majmu'ah rasa'il al-Imam al-Ghazali* (hlm. 3-82). Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kaylani, Ibrahim Zayd. (1996). *Falsafah ketuhanan menurut al-Qur'an dalam Surah al-An'am* (Muhammad Baihaqi, Terj.). Selangor: Pustaka Ilmi.
- Al-Qardawi, Yusuf. (2011). *Manusia dan kebenaran* (Mohd Fairooz Mohd Fathillah & Rosli Mokhtar, Terj.). Selangor: Jawatankuasa Tarbiah Pertubuhan IKRAM Malaysia.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad Ahmad. (2006a). *Al-jami' li akhdam al-Qur'an al-juz' al-thani* ('Abd Allah 'Abd al-Muhsin, Tahkikan). Beirut, Lubnan: Mu'assasah al-Risalah.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah pendidikan Islam: Huraian konsep dan aplikasi*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Hamka, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1983). *Tafsir al-azhar juzu' 6*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986). *Tafsir al-azhar juzu'*

- XXX Surabaya: Penerbit Pustaka Islam.
- Hamka, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1987). *Tafsir al-azhar juzu'* 27. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hamka, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1988). *Tafsir al-azhar juzu'* 28. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo & Salmah Jan Noor Muhammad (2013). Bahasa Melayu dan konsep kebenaran ilmu berdasarkan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *KEMANUSIAAN*, 20(1), 1-22.
- Ibn al-Haytham, Abu 'Ali al-Hasan al-Hasan. (t.t.). *Kitab al-manazir*. Dicapai pada 1 Mac 2016 daripada <http://al-hakawati.net/arabic/Civilizations/booksindex3.asp>.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il 'Umar al-Qurasyi al-Dimasyqi. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman. (2005). *Al-muqaddimat al-juz' al-awwal* ('Abd al-Salam al-Syidadi, Tahkikan). Morocco: Al-Dar al-Bayda'.
- Lidwa Pusaka (t.t.). *Ensiklopedi hadits kitab 9 imam versi online*. Dicapai pada 18 Januari 2016 daripada <http://app.lidwa.com/>.
- Mohd Shukri Hanapi. (2015, Julai/Ogos). *tabayyun* sebelum share dan forward berita. *Dakwah*, 36-39.
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. (1364H). *Al-mu'jam al-mufahras li alfaz al-Qur'an al-karim*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Osman Yahya. (1991). Theophanies and lights in the thought of Ibn 'Arabi. *Journal of the Muhyiddin Ibn 'Arabi Society*, 10 (C. Twinch, Terj.). Dicapai pada 28 Januari 2016 daripada <http://www.ibnarabisociety.org/articles/osmanyahya.html>.
- Ross, R. (1974). *Research: An introduction*. London: Barnes and Nobles Books.
- Sayyid Qutb. (2000a). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. III, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000b). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (Jld. V, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.

- 
- Sayyid Qutb. (2000c). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (Jlid VII (As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000d). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (Jld. VIII, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000e). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (Jld. X, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000f). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (Jld. XI, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000g). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. XII, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Seyyed Hossein Nasr. (1978). *An introduction to Islamic cosmological doctrines* (Rev. ed.). Great Britain: Thames and Hudson.
- Suhaila Abdullah, Mohd Sukki Othman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohammad Zaini Yahaya, Farahwahida Mohd. Yusof, ... Rijaluddin Yahya. (2015). *Tafsir maudhu'iyy: Ilmu dan tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (1999). *Epistemologi Islam: Teori ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2015). *Himpunan risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari. (2013). *Aktualisasi akhlak Muslim: 13 cara mencapai akhlak mulia*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1994). *Konsep ilmu dalam Islam* (Rosnani Hashim, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2006). *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu*

*tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Muhammad al-Bakri. (2015). *Berita: Konsep tabayyun dan penerimaannya.* Dicapai pada 8 Ogos 2016 daripada <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan-s/bl/294-berita-konsep-tabayyun-dan-penerimaannya>.